

“Nenek, engkaulah inspirasi kejayaanku hari ini”, kongsi Tan Wen Li

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin



Bintulu, 3 November– Di sebalik senyuman dan kegembiraan yang terpancar, tersimpan kisah suka dan duka untuk memperoleh diploma di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB).

Beliau dan tiga orang adik beradiknya telah kehilangan ibu dan ayah sejak dari kecil dan dibesarkan oleh nenek dan ibu tiri dengan penuh kasih sayang walaupun kehidupan mereka susah.

Pelajar Diploma Pengurusan Perlindungan Makanan dengan Kepujian, Fakulti

Sains Pertanian dan Perhutanan, UPMKB, Tan Wen Ni, berkata, sejak kehilangan ayah lima tahun lalu kehidupan mereka sekeluarga agak sukar dan rezeki sambung belajar di UPMKB menjadi titik permulaan untuk mengubah nasib keluarga.

“Nenek merupakan sumber inspirasi dan motivasi terbesar saya untuk belajar bersungguh-sungguh.

“Nenek yang selalu beri motivasi. Jika pisau karat diasah setiap hari akan menjadi tajam dan kilat, maka tiada istilah penat, terus berusaha, jangan sesekali putus asa pesan neneknya” katanya yang ditemui selepas Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia ke-48 Sidang 1 di Kampus Bintulu hari ini.



Anak kelahiran Kuala Lumpur ini sanggup terbang ke negeri Bumi Kenyalang untuk sentiasa tabah dan bekerja keras di negeri orang untuk menimba ilmu. Beliau sangat bersyukur kerana di UPMKB berkat sokongan pensyarah dan rakan-rakan di UPMKB banyak mendorongnya bukan hanya fokus dalam


bidang akademik semata-mata tetapi Kokurikulum juga.

“Di sini saya menjadi lebih dewasa tanpa keluarga di sisi untuk terus berdikari dan berfikiran matang dalam membuat Keputusan.

“Saya ingin menjadi seorang pengajar dan ejen perubahan dalam sektor pertanian. Dengan pengkhususan dalam pengurusan perladangan makanan, beliau percaya bahawa pengurusan sumber yang baik adalah asas kepada keselamatan makanan negara.

Tambahnya, ilmu yang diperolehi ini bukan hanya untuk kejayaan diri, tetapi untuk disumbangkan kepada keluarga dan juga Masyarakat.

Berita Lain...



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)



Pakar getah antarabangsa kongsi hala tuju industri getah mampan di Putra Plantation Forum 15

[Baca lagi »](#)



UPM Raih Naib Johan Anugerah Tenaga ASEAN 2025

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

2025

2024

2023

2022

2021

2020

2019

2018

2017



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings


Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia